



## UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK (UNIMAS)

---

### PEKELILING PENTADBIRAN BILANGAN 12 TAHUN 2016

Pejabat Pendaftar

Tarikh : 29 Julai 2016

Disalinkan kepada:

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Penolong Naib Canselor (Keterlibatan Industri dan Komuniti)

Ketua-Ketua PTj

**UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK**

**UNIMAS/PEND/01-104 (38)**

**29 JULAI 2016**

**PEKELILING PENTADBIRAN BILANGAN 12 TAHUN 2016**

**URUSAN KENAIKAN PANGKAT BUKAN AKADEMIK,  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK**

Pekeling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua staf bukan akademik berhubung urusan kenaikan pangkat staf bukan akademik.

Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Sumber Manusia Bil.3/2016 ke-13 bertarikh 13 April 2016 telah meluluskan Pindaan Syarat-Syarat Am Kenaikan Pangkat Bukan Akademik (Pengurusan & Profesional, Pelaksana & Kenaikan Pangkat Secara *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan Bagi Kumpulan Pelaksana Yang Berada di Gred Lantikan)

Syarat-syarat am kenaikan pangkat yang digunakan sekarang adalah seperti berikut:

- i. Telah disahkan di dalam jawatan;
- ii. Memperolehi penilaian prestasi sekurang-kurangnya 80% sebanyak tiga (3) kali dalam tempoh lima (5) tahun kebelakang;
- iii. Telah mengisyiharkan harta dalam tempoh lima (5) tahun terkini;
- iv. Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- v. Bebas dari hukuman tatatertib;
- vi. Diperakukan oleh Ketua Jabatan.

Jawatankuasa Sumber Manusia telah meluluskan pindaan syarat am no (ii) iaitu:

<b>Syarat Asal</b>	<b>Syarat Baharu</b>
Memperolehi markah Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) sekurang-kurangnya 80% sebanyak tiga (3) kali dalam tempoh lima (5) tahun kebelakang;	Memperoleh markah Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) tiga (3) tahun terakhir sebanyak 80% dan ke atas. Wajaran LNPT yang digunakan bagi tiga (3) tahun terakhir adalah 20% tahun pertama, 35% tahun ke dua dan 45% tahun ketiga (terkini).

(Sumber: Pekeling Perkhidmatan Bil.7 Tahun 2010)

Pindaan syarat ini telah digunakan bagi urusan kenaikan pangkat bukan akademik (Pengurusan & Profesional, Pelaksana & Kenaikan Pangkat *Secara Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan Bagi Kumpulan Pelaksana Yang Berada di Gred Lantikan) secara hakiki dan Fleksi pada tahun 2016.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

**KOMITMEN BERSAMA KE ARAH KECEMERLANGAN**

Yang benar,



HAJI ABU BAKAR BIN IBRAHIM

**Pendaftar**

Universiti Malaysia Sarawak